

Belanjawan lebih baik

“
**Saya rasa kita
mempamerkan prestasi
baik tahun ini. Sebenarnya
kita sudah memperoleh
wang yang mencukupi**
BH 27 SEP 2000 ”

– Dr Mahathir Mohamad

Oleh Wan Hazmir Bakar

KUALA LUMPUR, Selasa – Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata Belanjawan 2001 dijangka lebih baik dan mungkin menjadi belanjawan lebihan, berikutan ekonomi negara semakin kukuh.

“Saya rasa kita mempamerkan prestasi baik tahun ini. Sebenarnya kita sudah memperoleh wang yang mencukupi.

“Oleh itu, kita berharap dapat mencapai belanjawan lebihan. Jika tidak dapat pun, ia tidaklah teruk sangat,” kata Perdana Menteri kepada pemberita selepas pembukaan Pusat Perdagangan Kedah, di sini hari ini.

Beliau mengulas mengenai Belanjawan 2001 yang akan dibentangkan di Parlimen pada 27 Oktober depan. Sejak negara di-

landa kegawatan ekonomi pada 1997, kerajaan membentangkan belanjawan defisit bagi merangsang semula pertumbuhan ekonomi.

Dr Mahathir berkata, prestasi ekonomi negara kini amat baik dan ia dijangka berterusan berdasarkan kepada petunjuk seperti peningkatan nilai dagangan dan jumlah pergerakan kontena.

“Gambaran umum amat baik dan kita harap keadaan ini berterusan. Kita akan melakukan apa saja yang mungkin,” katanya.

Mengenai levi keluar 10 peratus yang dikatakan menjadi penyebab kejatuhan pasaran saham kerana, beliau berkata kerajaan hanya akan

LIHAT MUKA 2

Levi dimansuh jika boleh menambahkan pelaburan

DARI MUKA 1

BH 27 SEP 2000

memansuhkan levi itu jika tindakan berkenaan pasti menggalakkan pelaburan.

“Saya tidak tahu sama ada 10 peratus inilah yang menyebabkan pasaran saham tidak begitu baik. Kita mahu tahu apa sebab sebenarnya. Jika kita pasti pemansuhannya akan merangsang pelaburan, ya (kita akan mansuhkan),” katanya.

Bagaimanapun beliau menegaskan, levi yang dikenakan itu wajar kerana ia bukan bentuk cukai membebaskan seperti dikenakan oleh negara lain termasuk negara maju.

“Tambah pula, Malaysia tidak akan memperoleh apa-apa jika ia tidak mengenakan sebarang bentuk cukai terhadap pelabur yang datang

ke negara ini untuk membuat wang.

“Pelabur perlu sanggup membayar sejumlah kecil wang untuk membuat keuntungan. Jika secara tiba-tiba mereka membuat keputusan untuk keluar semua sekali, ekonomi kami akan runtuh. Justeru, kita menanggung risiko yang tinggi,” katanya.

Mengenai cadangan menaikkan harga petrol, Perdana Menteri berkata kerajaan sudah mengkaji perkara itu dan mendapati ada pihak menyedupnya berikutan harga lebih murah disebabkan subsidi.

“Saya diberitahu di setengah negara, harga seliter petrol ialah RM12 berbanding RM1.10 di sini. Anda dapat lihat perbezaannya amat keterla-

uan,” katanya.

Dr Mahathir berkata, kerajaan sedar peningkatan harga petrol akan memberi kesan serupa kepada kos pengangkutan. Justeru, kerajaan akan memastikan kenaikan kos pengangkutan tidak akan disalurkan kepada pengguna sewenang-wenangnya.

Ditanya apakah ini bermakna Penerbangan Malaysia (Mas) akan dibenarkan menaikkan tambang perkhidmatan domestiknya, Dr Mahathir berkata syarikat itu sudah membuat permohonan kepada kerajaan.

“Jika harga minyak meningkat terlalu tinggi, Mas akan mengalami kerugian banyak wang. Kita tidak mahu syarikat itu rugi,” katanya.